

Kerajaan mahu bantuan sampai ke tangan mangsa sebelum banjir berakhir

Wang ihsan banjir dipercepat

KUALA LUMPUR – Kerajaan berazam untuk mengagihkan wang ihsan sekurang-kurangnya RM500 kepada setiap isi rumah yang terabit dalam bencana banjir.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bantuan itu diharap dapat dilakukan sebelum baharu surut.

Ahmad Zahid berkata, pemberian itu wajar di-

lakukan segera untuk kegunaan mangsa banjir yang memerlukan bantuan yang sepatutnya.

Sehubungan itu, katanya, satu memorandum akan disediakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek untuk diserahkan kepada Kabinet bagi menam-

bah baik kaedah pemberian wang ihsan itu.

“Memorandum itu untuk mendapatkan kelulusan agar wang ini datangnya daripada syarikat insurans yang dibuat berdasarkan pembayaran premium yang dibuat oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara.

“Apabila berlaku banjir, maka syarikat insurans yang mengambil premium itu akan membayar den-

gan jumlah yang lebih daripada RM500 untuk satu isi rumah dan dapat dibayar sebelum air surut,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Negara di sini semalam.

Mesyuarat berkenaan diadakan untuk membincangkan strategi, gerak atur agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana serta menilai tahap keberkesanan dan keupayaan negara dalam pengurusan bencana.

Ahmad Zahid berkata,



ZAHD

dalam mesyuarat yang berlangsung kira-kira dua jam itu, mereka bersetuju supaya pelan pengurusan banjir di Kemaman, Terengganu akan dijadikan rujukan khas pengurusan banjir di peringkat nasional.

Beliau juga member-

Kelantan betul-betul negeri di bawah air

Jumlah mangsa dipindahkan di lima negeri kini berjumlah 67,730 orang



KERATAN Kosmo! 25 Disember 2014.

itahu, taklimat khusus berkaitan banjir juga akan diadakan dalam masa terdekat untuk semua Ahli Parlimen di kawasan terlibat banjir, pegawai daerah serta pelbagai pihak relevan supaya persediaan lebih baik dapat dilakukan.

